

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : DEWAN RAKYAT

Kementerian kaji wajibkan imunisasi

Kementerian Kesihatan mengkaji sama ada boleh mewajibkan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak berdasarkan sasaran usia serta jenis vaksin bersesuaian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata perkara itu antara yang dibincangkan Jawatankuasa Pasukan Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan dan implikasi berkaitan, sebelum kertas cadangan dibentang kepada Kabinet.

Dalam proses dapatkan pandangan

"Kementerian dalam proses mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan berkaitan dalam meneliti isu dan perkara yang perlu dimasukkan bagi kertas cadangan kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi," katanya.

Beliau menjawab soalan Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) berhubung pendirian kementerian mewajibkan imunisasi kanak-kanak berikutan kenaikan kes difteria di Johor.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya turut meneliti aspek tanggungjawab ibu bapa, pusat jagaan, taman asuhan dan sekolah, tanggungjawab penyedia perkhidmatan imunisasi, pengecualian, fi perkhidmatan, penalti dan penguatkuasaan.